

PELAWAAN PENYERTAAN PERTANDINGAN CHIPTA 2020



Mereka cipta penyelesaian yang berinovasi dan kreatif menggunakan teknologi terkini berasaskan pembangunan aplikasi mudah alih dan produk analitis data terbuka atau kecerdasan buatan

**“Enabling Innovation for
New Norm and Better Future”**



Pendaftaran
4 Ogos – 28 Ogos 2020



Pertandingan
7 September – 6 Oktober 2020



**WANG TUNAI
BERJUMLAH
RM66,000.00
UNTUK DIMENANGI**



Kategori

- Penjawat Awam
- Orang Awam / Industri
- Institut Pengajian Tinggi
- Pelajar Sekolah Menengah

Maklumat lanjut dan pendaftaran di: <https://hackathon.data.gov.my>

Dengan Kerjasama:
MAGIC
MALAYSIA INNOVATION, TECHNOLOGY AND CREATIVITY CENTRE

Dimaklumkan bahawa Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan program Hackathon Data Terbuka dan program Hackathon Aplikasi Mudah Alih semenjak 2015 dan telah berjaya menyumbang kepada penghasilan produk/inovasi dan pemerdayaan data yang boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak termasuk Kerajaan. Sebagai usaha menambahbaik program Hackathon serta selaras dengan perkembangan teknologi dan tren semasa, pada tahun ini MAMPU telah menggabungkan pelaksanaan Hackathon Data Terbuka dan Hackathon Aplikasi Mudah Alih serta menjenamakan semula program ini kepada Program CHIPTA 2020. C H I P T A merupakan singkatan kepada CHallenge on Innovation and Problem solving through Technology Advancement. Penganjuran program ini bertujuan untuk mengajak masyarakat cakna merekacipta pelbagai penyelesaian yang berinovasi dan kreatif dengan menggunakan teknologi terkini bagi pembangunan aplikasi mudah alih dengan berasaskan data terbuka. Pertandingan ini terbuka kepada empat (4) kategori iaitu Penjawat Awam, Orang Awam/ Industri, Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Pelajar Sekolah Menengah.

3. Tema bagi Program CHIPTA 2020 adalah “Enabling Innovation for Prosperity” dengan tagline “Tomorrow’s Innovation... TODAY”. Objektif pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

- menyediakan platform untuk pembangunan inovasi yang kreatif, berimpak dan berkualiti;
- membina keupayaan mencipta dalam kalangan rakyat;

- (iii) menggalakkan kerjasama melalui pendekatan Quadruple Helix (Government, Industry, Academia dan Citizen);
- (iv) mensejahterakan rakyat melalui inovasi digital; dan
- (v) menggalakkan inovasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam.

4. Sehubungan itu, YBhg. Dato' Dr./ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan yang berminat adalah dipelawa untuk menyertai pertandingan ini. Peserta pertandingan ini hendaklah menggunakan perisian sumber terbuka bagi membangunkan aplikasi mudah alih berdasarkan syarat penyertaan CHIPTA 2020 seperti di url <https://hackathon.data.gov.my/#syarat>. **Penyertaan boleh dibuat secara dalam talian bermula pada 4 Ogos 2020 melalui url <https://hackathon.data.gov.my>. Tarikh tutup penyertaan telah dilanjutkan ke 28 Ogos 2020 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari.** Setiap penyertaan akan melalui penilaian peringkat awal berdasarkan kepada kertas cadangan projek yang dihantar dan pasukan yang disenarai pendek akan dimaklumkan melalui e-mel untuk mara ke peringkat akhir. Pasukan yang layak perlu memulakan pembangunan produk/inovasi dan penyediaan material pembentangan bermula 7 September hingga 6 Oktober 2020. Maklumat lanjut mengenai pertandingan ini boleh diperolehi melalui laman web di atas. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh disalurkan kepada pegawai berikut:

- i. Encik Mohd Razif Azmal bin Mohd Othman
razifazmal@mampu.gov.my
- ii. Puan Adawiyah Md Ashar
03-88725074 / 019-7015816 / adawiyah@mampu.gov.my
- iii. Puan Nadisah Mohamad
03-88726337 / nadisah@mampu.gov.my
- iv. Puan Maziana Abdul Majid
03-88726292 / maziana@mampu.gov.my
- v. Puan Nor Nasharyati binti Nasir
03-88725170 / nasharyati@mampu.gov.my

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' Dr./ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai. Semoga usaha ini akan menyemarakkan budaya inovasi dalam mencipta produk ICT di kalangan penjawat awam dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.